

NO SOALAN :36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(SUNGAI BESAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 09.11.2017

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI [SUNGAI BESAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan Bank Negara Malaysia bagi meningkatkan kefahaman serta pengetahuan celik kewangan kepada rakyat terutamanya kepada rakyat luar bandar selaras dengan strategi nasional khas yang diumumkan baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, banyak usaha telah diambil untuk meningkatkan keupayaan pengurusan kewangan dalam kalangan orang ramai supaya ianya lebih berkesan. Antaranya,

elemen pendidikan kewangan dimasukkan di dalam kurikulum persekolahan, program jangkauan dan penubuhan Jaringan Pendidikan Kewangan.

Bank Negara Malaysia (BNM) telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengintegrasikan elemen pendidikan kewangan ke dalam mata pelajaran teras bagi kurikulum baharu sekolah rendah mulai tahun 2014. Pada tahun ini, ia telah mula dilaksanakan di sekolah menengah. Menjelang 2021, semua peringkat persekolahan rendah dan menengah akan didedahkan kepada elemen pendidikan kewangan di dalam kurikulum persekolahan mereka.

BNM juga telah menjalankan pelbagai program jangkauan untuk menyampaikan pendidikan kewangan kepada kumpulan sasaran dan pihak awam, termasuk mereka yang tinggal di luar bandar melalui Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), perkhidmatan LINK Bergerak BNM (*BNM MobileLINK*) dan Karnival Kewangan. Ketiga-tiga saluran ini menyampaikan pelbagai informasi serta kesedaran dan pengetahuan kewangan kepada rakyat Malaysia terutama masyarakat di luar bandar. Umpamanya, Karnival Kewangan yang telah diadakan di Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu telah berjaya

menarik seramai 55,000 pengunjung. Para pengunjung telah berpeluang mendapat khidmat nasihat berkaitan pengurusan kewangan, penyelesaian pertikaian serta perkhidmatan untuk membuka akaun simpanan, pembiayaan, pelaburan, insurans / takaful.

Untuk memperkukuhkan lagi usaha meningkatkan celik kewangan, satu Jaringan Pendidikan Kewangan (*Financial Education Network* atau *FE Network*) telah ditubuhkan pada November 2016 untuk menyelaraskan dan memacu strategi pendidikan kewangan secara holistik dan bersepadu di peringkat kebangsaan. Pelaksanaan strategi kebangsaan ini akan diselarakan dengan aspirasi kerajaan jangka panjang di bawah inisiatif Kluster Kewangan, Transformasi Nasional 2050 atau TN50.